

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Ahad, 29 Disember 2019 3:19 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Gambar Status Instagram Pelajar UUM Jadi Pilihan Apple



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

29 DISEMBER 2019 / 2 JAMADILAWAL 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Ihsan Dinie Aiman Sukhaizar & Instagram Apple

GAMBAR STATUS INSTAGRAM PELAJAR UUM JADI PILIHAN APPLE

UUM ONLINE: Gambar pemandangan yang dirakamkan Dinie Aiman Sukhaizar di laman sosial Instagram miliknya pada 18 Jun lalu telah menarik perhatian syarikat teknologi terkemuka dunia dari Amerika Syarikat, Apple.

Gambar berumput hijau berlatar belakang bukit bukau yang dirakamkan di Perlis oleh pelajar Sarjana Muda Pengurusan Industri Kreatif dari Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan (SCIMPA) itu telah dimuat naik oleh Apple dalam Instagram syarikat itu sendiri pada Isnin lalu.

Sehingga hari ini, status yang dimuat naik Apple dengan caption "Humanity turns a photo into a story" itu telah menerima 298,830 'likes' dan lebih 1,200 komen.

Dinie Aiman berkata, dia tidak sangka gambar tersebut menjadi pilihan Apple kerana dalam berjuta gambar, gambarnya terpilih untuk dijadikan sebagai 'featured' dalam Instagram Apple.

"Dalam setahun tidak sampai tiga orang yang terpilih dan Malaysia sangat susah untuk terpilih untuk muncul dalam laman sosial syarikat gergasi itu," katanya.



Mengulas lanjut berkenaan foto itu, Dinie berkata, seorang pemuda sedang menikmati pemandangan indah pada waktu pagi bersama tiupan angin dan burung berkicau keriang.

Menurutnya, dalam gambar itu pemuda berkenaan teruja menikmati keindahan alam yang jauh berbeza berbanding kehidupan di kota raya.

“Saya meminati fotografi sejak umur 13 tahun sekitar tahun 2012, sejak telefon pintar mula menebusi pasaran.

“Kawan-kawan banyak memberi tunjuk ajar dan kebanyakannya saya belajar sendiri dengan meninjau seluruh negeri Perlis dan di situ kami akan bergambar dan belajar perkara baru yang menarik,” katanya.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.